

20/05/2002

`Gagal dapat projek bukan alasan gugat pemimpin'

JERANTUT, Ahad - Ahli Umno semua peringkat digesa tidak menjadikan alasan kegagalan mendapat tender dan masalah kelambatan peruntukan sebagai senjata untuk menggugat pemimpin parti kerana ia hanya melemahkan Umno.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Azlan Sultan Abu bakar, berkata ini kerana tujuan menjadi ahli bukan untuk kepentingan diri atau menjadi kaya, sebaliknya memperjuangkan nasib bangsa, agama dan negara.

"Masalah mendapatkan peruntukan adalah tugas pemimpin Umno khususnya wakil rakyat peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Ahli Parlimen.

"Oleh itu, kelewatan atau kegagalan mendapatkan peruntukan tidak perlu dijadikan senjata untuk mengugut pemimpin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan pelancaran Puteri Umno peringkat DUN Tahan di kompleks sukan Kampung Kuala Teh dekat sini, hari ini.

Turut hadir Adun Pulau Tawar, Dr Ahmad Shukri Ismail, Ketua Wanita Jerantut, Nazilah Abdul Latif dan Ketua Pemuda Jerantut, Wan Amizan Wan Abdul Razak.

Beliau berkata, setiap wakil rakyat mempunyai peruntukan sendiri dan kebanyakan peruntukan adalah untuk kepentingan orang ramai dan bukan untuk faedah diri sendiri.

Malah, katanya, tahun lalu Jerantut menerima peruntukan RM4.6 juta untuk melaksanakan 146 projek kecil kepada hampir 120 kontraktor kelas F yang disalurkan melalui pejabat daerah.

"Saya naik muak mendengar rintihan ahli Umno setiap kali diadakan perjumpaan yang kebanyakannya menimbulkan masalah peruntukan dan projek tertentu.

"Sepatutnya ahli Umno menimbulkan masalah parti seperti perpaduan ahli, menambah ahli, tohmahan parti pembangkang dan langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan ahli khususnya kepada generasi muda," katanya.

Tengku Azlan berkata, ahli Umno perlu mempunyai semangat memperkukuhkan parti dan membela nasib Melayu dalam pelbagai bidang.

"Ahli Umno perlu mengikut semangat Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyampaikan suara Melayu di serata pelusuk dunia tanpa rasa takut.

"Keberanian Perdana Menteri memberi pendapat kepada kuasa besar dunia, Amerika Syarikat, perlu dijadikan pencetus semangat kepada ahli pada peringkat akar umbi untuk menjawab segala kritikan pembangkang," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Jerantut, berkata kekuatan pembangkang pada pilihan raya lalu bukan kerana mereka kuat tetapi perpecahan ahli Umno sendiri kerana ada perasaan tidak puas hati.

Berikutan itu, katanya, setiap ahli Umno pada semua peringkat perlu bersatu serta memainkan peranan masing-masing untuk memperkukuhkan parti tanpa sentimen peribadi.

(END)